**Untuk Siaran Segera**

**LHDNM/2020/04/09 - 27**

# PENJELASAN LHDNM MENGENAI BAYARAN BANTUAN PRIHATIN NASIONAL (BPN)

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) mengambil maklum laporan media berkenaan individu kenamaan termasuk Ahli Parlimen yang diluluskan untuk pembayaran fasa pertama Bantuan Prihatin Nasional (BPN) yang bermula pada 6 April 2020.

LHDNM ingin menjelaskan bahawa bagi pembayaran BPN sepertimana yang telah diumumkan sebelum ini, penerima diluluskan secara automatik berdasarkan kepada pangkalan data Bantuan Sara Hidup (BSH) dan data rekod percukaian tahun taksiran LHDNM tahun 2018.

Permohonan baharu atau rayuan adalah untuk mereka yang belum mendaftar dengan BSH sebelum ini manakala pembayar cukai perlu mengemaskini data peribadi masing-masing dengan LHDNM. Kelulusan permohonan baharu adalah tertakluk kepada proses semakan dan verifikasi.

**Semakan awal LHDNM mendapati bahawa proses penentuan penerima BPN adalah teratur dan mereka yang diluluskan mempunyai tahap pendapatan bercukai di dalam julat pendapatan yang layak menerima BPN.**

Penentuan penerima BPN dibuat dengan memadankan kriteria pendapatan BPN dengan data percukaian terkini di LHDNM berdasarkan rekod percukaian Tahun Taksiran 2018 dan pangkalan data kerajaan yang berkaitan mengikut kategori di bawah:

| | B40<br>Isi Rumah | B40<br>Bujang | M40<br>Isi Rumah | M40<br>Bujang |
|---|---|---|---|---|
| Pendapatan bulanan | RM4,000 ke bawah | RM2,000 ke bawah | RM4,001 hingga RM8,000 | RM2,001 hingga RM4,000 |

Merujuk isu beberapa Ahli Parlimen dan orang kenamaan turut layak dan menerima BPN, perlu dijelaskan bahawa kelulusan dibuat secara automatik berdasarkan data taksiran pendapatan individu tersebut pada tahun 2018 dalam rekod LHDNM.

Namun demikian, LHDNM menerima baik Ahli Parlimen yang secara sukarela telah memulangkan bayaran BPN tersebut. Sekiranya mana-mana Ahli Parlimen atau penerima BPN lain yang ingin memulangkan semula bayaran BPN tersebut, penerima boleh berbuat demikian mengikut prosedur berikut:

i. Mengemukakan surat penolakan dengan menyatakan nama penuh dan nombor MyKad;

ii. Lampirkan draf bank / cek atas nama **Akauntan Negara Malaysia** (mengikut jumlah pemulangan); dan

iii. Dikemukakan kepada pihak Kementerian Kewangan Malaysia di alamat berikut:

**Pejabat Belanjawan Negara**

**Kementerian Kewangan Malaysia**

**Presint 2, 62592 Putrajaya**

# # #

**SEKIAN, TERIMA KASIH**

**Dikeluarkan Oleh:**
**Bahagian Komunikasi | Pejabat Ketua Pegawai Eksekutif**
**Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia**

☎ : 03-8313 8888 samb. 21658/21666/21965/21674/21663 | 🖷 : 03-8313 7873
Hasil Care Line : 03-8911 1000 / 603-8911 1100 (luar negara)
Portal Rasmi : www.hasil.gov.my

**Tarikh: 09 April 2020**



/LHDNM @LHDNMofficial LHDNM LhdnTube